

Lebih 90 peratus kawasan hutan 'terselamat'

Kuala Lumpur: Tatacara pengambilan tanah di bawah permukaan untuk pembangunan adalah antara inti pati dipersetujui Majlis Tanah Negara (MTN), hari ini.

Mesyuarat MTN Ke-73 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, secara keseluruhan memperakukan tujuh kertas pertimbangan dan enam kertas makluman.

Dokumen yang dikemukakan untuk penelitian MTN itu menyentuh beberapa dasar penting berkaitan tanah, perhutanan dan aktiviti perlombongan di negara ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata tatacara menerusi Peraturan-Peraturan Ka-

nun Tanah Negara (Tanah Bawah Tanah) (Kedalaman Minimum) 2017 itu dijangka berkuat kuasa, hari ini.

"Sistem pengambilan tanah di bawah permukaan ini adalah pemangkin ke arah mencapai status negara maju kerana kita nak uruskan pembinaan rel, laluan kereta api dan pembangunan lain secara mampan.

Manfaat pembangunan

"Ia juga mencakupi manfaat pembangunan kemudahan utiliti seperti dikendalikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang lazimnya mengakibatkan penerokaan sege-lintir kawasan hutan," katanya kepada pemberita, di Bangunan Par-

Fakta
nombor

25 HEKTAR

pengurangan kehilangan kawasan hutan di jajaran ECRL

limen, semalam.

Peraturan itu menetapkan bahawa kedalaman minimum mengikut Seksyen 92B Kanun Tanah Negara (KTN) bagi pertanian adalah enam meter, perihal bangunan (10 meter) dan industri (15 meter).

Bagaimanapun, pihak berkuasa negeri boleh mempertimbangkan pengecualian kedalaman minimum seperti dicadangkan peraturan berkenaan.

Wan Junaidi berkata, antara manfaat diperolehi daripada pelaksanaan peruntukan perundangan berkenaan adalah pemeliharaan kawasan hutan daripada diterokai secara berlebihan.

Beliau memberikan contoh pengambilan kawasan hutan untuk

pembinaan Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) membabitkan jajaran 600.3 kilometer merentasi Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"Pada mulanya, jajaran ECRL merekodkan kehilangan kawasan hutan 2,000 hektar, namun kita berupaya kurangkan sehingga 25 hektar," katanya.

Mengulas persetujuan lain, Wan Junaidi berkata, kerajaan akan memberikan pengecualian royalti terhadap pengeluaran kayu berasaskan kelapa, pokok getah dan kelapa sawit.

Katanya, langkah serampang dua mata itu dilaksana untuk memajukan industri pengeluaran kayu alternatif dan menyelamatkan hutan ditebang secara berleluasa.